



JPA.SARAAN (S)1852/2A Klt.11 (37)

8 Mei 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato',

Bayaran Baju Kot Kepada Pegawai Yang Bertugas Di Mahkamah

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan pada tahun 1996 telah meluluskan kadar bayaran Baju Kot kepada Pegawai yang Bertugas di Mahkamah sebanyak RM150.00 sehelai sekali dalam tempoh tiga (3) tahun sebagai bantuan ke atas kos menyediakan Baju Kot. Pada tahun 2004, kadar ini telah dinaikkan daripada RM150.00 kepada RM250.00. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab kepada Pengarah/Ketua kepada Bahagian/Unit Sumber Manusia yang mentadbir kelulusan bagi kemudahan Baju Kot tersebut bahawa bayaran di atas boleh dibuat tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) pegawai yang menjalankan tugas rasmi di Dewan Mahkamah sebagai tugas hakikinya termasuk pegawai yang diarah menjalankan tugas berkenaan secara penanggungungan kerja dan disyaratkan memakai Baju Kot;
- b) pegawai yang disapina oleh mahkamah sebagai saksi tidak layak menikmati kemudahan ini;
- c) kemudahan ini diberi sekali bagi setiap tempoh tiga (3) tahun. Tuntutan berikutnya hanya dibenarkan selepas tiga (3) tahun daripada tarikh tuntutan sebelumnya;
- d) pegawai dibenarkan membeli sendiri pakaian Baju Kot dan boleh menuntut bayaran balik perbelanjaan dengan mengemukakan resit pembelian tidak melebihi kadar maksima yang ditetapkan; dan
- e) pemberian kemudahan ini hendaklah dicatatkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.


...2/-

3. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan syarat-syarat di atas dipatuhi dan kelulusan yang diberi juga adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan Jabatan yang mencukupi serta mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa.

4. Kemudahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya kadar Bayaran Baju Kot ini, Surat Edaran Jabatan ini bil. JPA(S)1852/2A/Klt.6(58) bertarikh 9 September 1996 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

s.k.:

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan